

07/03/1998

Dr Saodah jadi kebanggaan keluarga

KATA orang, yang bulat tidak akan datang bergolek dan yang pipih tidak akan datang melayang. Begitu juga dengan kejayaan, tidak akan menjadi kenyataan tanpa usaha gigih. Lebih-lebih lagi, kejayaan dikecapi bukan boleh dicapai dengan mudah oleh semua orang.

Namun berkat kerajinan, kegigihan dan percaya pada diri sendiri, cita-cita yang tersemat membuahkan hasil yang cukup berharga kepada pensyarah Jabatan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Saodah Wok.

Anak jati negeri Datuk Bahaman ini membuktikan kepada keluarganya yang beliau satu-satunya anak berjaya di bidang pelajaran hingga ke peringkat Doktor Falsafah (PhD) bidang komunikasi dari Universiti Wisconsin Madison, Amerika Syarikat empat tahun lalu.

Mengimbas kembali zaman remajanya, Dr Saodah yang agak pemalu memberitahu beliau adalah anak kampung yang terpaksa berhempas pulas seperti keluarga lain kerana mempunyai adik beradik ramai.

Justeru, kesusahan menjadi pendorong beliau untuk terus belajar ke peringkat PhD dan kebolehan luar biasanya mengharumkan nama keluarga dan kampungnya di Lubuk Kawah, Pahang.

"Sebenarnya kejayaan saya didorong oleh galakan arwah bapa dan kakak saya yang mahukan saya berada di puncak," jelas Dr Saodah serius.

Beliau ditemui di Dewan Kuliah, Jabatan Komunikasi UPM selepas membentangkan kertas kerja bertajuk Penggunaan Teknologi Komunikasi di Kalangan Keluarga Bandar dan Luar Bandar: Satu Perbandingan memberitahu bahawa teknologi komunikasi penting untuk memajukan masyarakat.

Katanya, teknologi maklumat perlu berjalan seiring dengan perancangan kerajaan, terutama di dalam usaha mencapai Wawasan 2020 seperti yang dihasratkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dr Saodah yang begitu berminat dengan teknologi maklumat berkomputer, berkata banyak pelajar takut dan tidak mahir dengan perkembangan teknologi berkenaan, menyebabkan ia menjadi suatu sindrom yang agak sukar dilupakan di kalangan masyarakat luar bandar.

Beliau yang pernah sama-sama belajar di Kolej Tuanku Khursiah, Seremban dengan isteri Timbalan Perdana Menteri, Datin Seri Dr Wan Azizah bangga dengan kejayaan wanita hari ini, baik di bidang pendidikan, ekonomi, sosial, politik dan antarabangsa.

"Saya bangga dengan kebolehan wanita kita yang mampu menandingi lelaki, contohnya Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman yang pintar dan boleh berpidato dengan baik. Datuk Maznah Hamid yang gigih berniaga bergelar 'wanita besi', Prof Datuk Dr Nik Safiah Karim seorang pakar bahasa Melayu yang disegani, manakala Datin Seri Dr Wan Azizah aktif dalam pertubuhan bukan kerajaan," katanya.

Apabila ditanya mengenai anaknya, Mohd Huzair Mohd Fahmi, beliau sering memberi galakan kepada anaknya belajar ke peringkat yang tertinggi dan menjadi seorang berguna kepada negara.

Bagaimanapun, beliau tidak memaksa anaknya belajar sepanjang masa tetapi membuat jadual waktu yang sesuai.

Beliau yang hampir 20 tahun menjadi pensyarah di UPM mendapat ijazah pertama di bidang Sains Pertanian, Universiti Malaya dan ijazah Sarjana Sains UPM, memilih untuk bersara pilihan awal tahun depan.

Berdasarkan ruang yang ada, Dr Saodah bersedia untuk memberikan ceramah dan bimbingan berkaitan bidang komunikasi, penulisan, kewartawanan, penyelidikan dan statistik kepada mana-mana institusi pengajian tinggi

swasta, kolej, jabatan kerajaan, NGO dan swasta.  
(END)